

28/07/2002

Sistem gaji baru kakitangan awam diumumkan minggu depan

Mohd Anwar Patho Rohman

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan sistem gaji baru kakitangan awam bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB), beberapa hari lagi, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsuddin Othman.

"Semuanya sudah siap. Cuma nak tunggu Yang Amat Berhormat umumkan. Kita tunggulah Perdana Menteri (umumkan)," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Kembara Merdeka 2002 yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Dataran Putra di sini, semalam.

Ketika ditanya bila akan diumumkan, beliau berkata: "Dalam sehari dua lagi, tidak berapa lama lagi."

Ditanya sama ada kemungkinan akan diumumkan minggu depan, beliau berkata: "Saya pun lupa tarikhnya tapi dalam masa yang terdekat ini. Insyallah".

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita mengenai sistem gaji baru kakitangan awam bagi menggantikan SSB yang dijangka diumumkan secepat mungkin selepas kajian semula itu mendapat persetujuan Kabinet.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai hasil kajian semula SSB tetapi mengakui ia akan memberi kesan positif kepada kakitangan awam.

Minggu lalu, Dr Mahathir berkata, sistem gaji baru itu akan diumumkan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri walaupun beliau mendapat mandat penuh oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Anggota Sektor Awam untuk membuat keputusan mengenai laporan cadangan itu.

Kajian semula SSB dibuat berikutan persetujuan Perdana Menteri, Mac lalu terhadap gesaan berterusan kakitangan awam Cuepacs yang tidak berpuas hati dengan Sistem Gaji Matriks sistem saraan itu yang dilaksanakan sejak 1992.

Mereka menyifatkan sistem itu sebagai tidak telus serta terdedah kepada pilih kasih dan tidak adil selain penetapan kuota hanya lima peratus daripada kakitangan awam mendapat kenaikan gaji menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs antara lain mencadangkan Sistem Gaji Sebaris yang mengambil kira kebolehan dan kecekapan sebagai asas penilaian prestasi, diterima pakai bagi menggantikan SSB.

Sistem baru itu dikatakan menuntut kakitangan awam supaya lebih produktif tetapi ini tidak bermakna peningkatan gaji secara automatik diberi setiap tahun seperti diamalkan SSB.

JPA dan Cuepacs sudah mengadakan empat pertemuan sejak tahun lalu mengkaji bagi menjadikan SSB sistem lebih baik.

Awal tahun ini, JPA mengemukakan laporan kajian itu kepada Perdana Menteri tetapi jabatan itu diarah untuk memperhalusi semula kerana cadangan yang dikemukakan akan membabitkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion.

Bulan lalu, Dr Mahathir berkata, skim gaji baru itu akan lebih telus serta berasaskan merit dan akan memanfaatkan lebih ramai kakitangan awam.